




# Kelab Sukan Elektronik ANSARA (AES)

## Objektif

Kelab Sukan Elektronik ANSARA telah ditubuhkan khas untuk manggabungkan dan mengembangkan minat ahli-ahlinya di dalam bidang sukan elektronik. ANSARA merupakan singkatan kepada Anak Sains MARA, dimana semua bekas pelajar MRSM diiktiraf sebagai ANSARA (230,000 graduan). Terdapat 4 komponen utama di AES yang berteraskan kepada PC, Console, VR dan Mobile. Setiap satu komponen ini bertanggungjawab untuk menjalankan aktivitinya tersendiri yang meliputi sesi latihan, pertandingan, keperluan maklumat dan juga pengurusan pasukan. Keseluruhan komponen juga disokong oleh Bahagian Pembangunan Modal Insan yang bertanggungjawab untuk menyediakan dan menjalankan program latihan yang yang bersesuaian. Halatuju AES adalah dalam mengembangkan industri esports melalui Pembangunan Sukan Esports, Pendidikan, Kerjaya & Perniagaan serta Penyediaan Infrastruktur.



# 1. KEJOHANAN

## ANSARA ESPORTS MALAYSIA CHAMPIONSHIP 2018




Pertandingan di peringkat kebangsaan ini bermula pada bulan Julai 2018 dan Peringkat Akhir akan berlangsung di Kuala Lumpur pada bulan Nov 2018. Semua pasukan bertarung untuk peringkat kelayakan di 8 lokasi (Negeri Kedah, Perak, Pahang, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Melaka, Johor, Selangor). Pada peringkat kelayakan, pemain dikehendaki mendaftar masuk satu minggu sebelum tarikh kelayakan di negeri terlibat bagi membolehkan mereka bersaing dalam permainan yang dipertandingkan. 2 pasukan bagi setiap permainan di setiap lokasi negeri terlibat yang layak untuk ke separuh akhir akan bertemu di lokasi akhir di Kuala Lumpur untuk merebut piala kejohanan keseluruhan beserta hadiah pada bulan November ini.





## Jangkaan Penonton

Mengikut statistik dan data dari tahun 2017, kami menjangka AEMC akan menarik minat penonton siaran langsung sebanyak *2,345,840 tontonan* yang akan mengambil masa selama *66.5 jam* keseluruhannya.

**Estimated Views on all channels and SocMed platforms**

| | Live Matches | Recorded Matches |
|---|---|---|
| ***State Qualifier*** | | |
| *CSGO* | *5* | *26* |
| *DoTA2* | *5* | *26* |
| *AoV* | *5* | *26* |
| *FIFAOnline3* | *3* | *160* |
| ***Total Numbers of Matches per location*** | **18** | **238** |
| ***Total for 8 States*** | **144** | **1904** |
| ***Final Kuala Lumpur*** | | |
| *CSGO* | *5* | *25* |
| *DoTA2* | *5* | *25* |
| *AoV* | *5* | *25* |
| *FIFAOnline3* | *3* | *160* |
| ***Total Numbers of Matches for Kuala Lumpur Finalist*** | **18** | **235** |
| ***Side Games Kuala Lumpur*** | | |
| *FEAR (CSGO & DoTA)* | 10 | 62 |
| ***Total Numbers of side games matches*** | **10** | **62** |
| ***Total number of AEMC videos*** | **172** | **2201** |
| ***Estimated Views on all channels and SocMed platforms*** | **2,345,840** | **5,598,628** |
| **Total AEMC Videos Time (hrs)** | **66.50** | **3084.00** |

Sumber rujukan: https://newzoo.com/insights/infographics/the-malaysian-gamer-2017/

## Female ESports Asian Roundup (FEAR)

Female Esports Asian Roundup (FEAR) adalah diwujudkan khusus oleh pihak kami untuk membuktikan bahawa komuniti pemain wanita mampu membentuk pasukan mereka sendiri dan bersaing di peringkat antarabangsa. Acara FEAR julung kali telah diadakan pada 11 Mac 2018 di Kuala Lumpur, Malaysia. Ia adalah acara yang berjaya melibatkan pemain wanita bukan sahaja di Malaysia tetapi juga beberapa negara lain. Memandangkan maklum balas dan pencapaian yang hebat dari pemain wanita, kami memutuskan untuk memperluaskan ke Negara-negara Asia Tenggara yang lain dalam usaha untuk mengukuhkan ikatan negara-negara berjiran.




Pada Pertandingan Akhir AEMC 2018, FEAR akan diadakan sebagai pertandingan sampingan yang akan memaparkan 16 pasukan wanita terbaik dari pelbagai negara ASEAN justeru merancakkan lagi suasana kemuncak AEMC di Kuala Lumpur pada 9hb - 11hb November 2018.

Kemunculan acara FEAR di peringkat akhir AEMC pada bulan November ini bakal membuktikan bahawa pemain wanita dalam arena ini bukan sahaja dapat bersaing secara sihat tetapi juga berani untuk tampil sebagai juara dan boleh mewakili negeri/negara ke peringkat antarabangsa.





## Pertiwi

Kejohanana Pertiwi dikhususkan untuk atlet yang berdaftar dibawah kelab sukan elektronik universiti. Terdapat lebih daripada 20 kelab sukan elektronik yang telah berdaftar di peringkat universiti di seluruh Malaysia. Kejohanan ini dapat memupuk semangat setiakawan dan toleransi sesama kita. Disamping itu juga dapat mengeratkan hubungan dua hala antara universiti-universiti di dalam negara. Permainan yang akan dipertandingkan adalah CSGO, DoTA2, Mobile Legend dan juga FIFA19.

## Malaysia 6 Championship (M6)

M6 adalah liga khas yang khusus diwujudkan untuk membangunkan atlet esports Rainbow Six Siege negara. Liga khas ini juga merupakan yang pertama dipertandingkan di peringkat kabangsaan dan akan menjadi landasan utama dalam struktur pemilihan pasukan mewakili negara kelak.

## Jumlah Keseluruhan Atlet di MEC 2018

| | | |
|---|---|---|
| ***AEMC 2018 Grand Final Kuala Lumpur*** | | |
| *CSGO* | *16* | 80 |
| *DoTA2* | *16* | 80 |
| *AoV* | *16* | 80 |
| *FIFAOnline3* | *16* | 16 |
| ***Jumlah Atlet Finalis Kuala Lumpur*** | | **256** |
| ***FEAR 2018 Grand Final Kuala Lumpur*** | | |
| *CSGO* | *16* | 80 |
| *DoTA2* | *16* | 80 |
| ***Jumlah Atlet Finalis FEAR*** | | **160** |
| ***Pertiwi Kuala Lumpur*** | | |
| *CSGO* | *16* | 80 |
| *DoTA2* | *16* | 80 |
| *MLBB* | *32* | 160 |
| *FIFA19* | *128* | 128 |
| ***Jumlah Atlet Pertiwi*** | | **448** |
| ***Kejohanan M6 Kuala Lumpur*** | | |
| *Rainbow Six Siege* | *16* | 80 |
| ***Jumlah Atlet M6*** | | **80** |
| ***Pertandingan sampingan Kuala Lumpur*** | | |
| *Street Fighter 5* | *64* | 64 |
| *Tekken 7* | *64* | 64 |
| ***Jumlah Atlet Pertandingan sampingan*** | | **128** |
| ***Jumlah Atlet di MEC 2018*** | | **1072** |





## ANSARA ESPORTS GAME EXPO (AEG)

ANSARA ESPORTS GAME Expo akan diadakan sepanjang peringkat akhir kejohanan AEMC berlangsung di Kuala Lumpur. Ekspo ini akan mengumpulkan kesemua industri yang terlibat didalam ekosistem esports yang meliputi :

1. Pendidikan
2. Institusi kewangan
3. Pembuatan peralatan dan perkakas elektronik
4. Peranti dan aksesori esports
5. Pembangun perisian
6. Penjual barangan hobi dan figura permainan
7. Peniaga barangan gaya hidup esports











AEG diharapkan dapat membuka minda semua pihak tentang arena ESports di Malaysia. Arena ini bukan sahaja tempat bagi pemain-pemain menunjukkan bakat permainan mereka, tetapi ia juga melibatkan satu ekosistem yang lengkap bermula dari pembekal, peniaga dan pengguna yang menggunakan pelbagai peluang di arena ini untuk mengembangkan industri masing-masing bagi menjana ekonomi.

# MALAYSIA ESPORTS CONVENTION 2018



Pada peringkat akhir AEMC ini, buat julung kalinya ANSARA Esports akan menerapkan pengetahuan tentang Esports dari pelbagai sudut pandangan, ini termasuklah dari bahagian pendidikan, kewangan, peraturan dan isu undang-undang, teknologi berkaitan esports, kesihatan dan infrastruktur yang perlu diketengahkan atau dikembangkan untuk membangunkan ekosistem esports yang sihat.

Ilmu dan pengalaman ini akan dikongsikan oleh pakar-pakar atau penceramah yang akan dipilih oleh pihak ANSARA Esports dan Kementerian Belia dan Sukan. Hasil dari ceramah dan perbincangan yang bakal diadakan, pihak ANSARA Esports berharap ia akan membuka minda semua pihak tentang ekosistem esports.

Ceramah dan perbincangan di bilik seminar akan dipilih dan akan dimuatkan secara langsung di media sosial atau media elektronik lain. Ini dapat meningkatkan pengetahuan orang ramai yang tidak dapat hadir di acara Malaysia Esports Convention.

Tujuan pihak ANSARA Esports adalah untuk berkongsi maklumat yang benar dan bermutu kepada orang ramai tentang ekosistem esports yang dapat menjana ekonomi individu dan negara Malaysia pada masa akan datang.

Cadangan topik yang bakal diperbincangkan :

1 Sejarah perkembangan Esports di Malaysia
2 Penubuhan Kelab Sukan Elektronik : Bagaimana Caranya?
3 *How to be a successful international casters?*





4 Team manager : Kepentingannya
5 Info kesihatan : *Digital Eye Strain*
6 Info kesihatan : *Disability* : Apakah risiko saya mendapat *Carpal Tunnel Syndrome*
7 Sejauh mana kerajaan dapat membantu atlet esports ke peringkat internasional
8 *How to stream better?*
9 Penyalahgunaan ubat terlarang sebagai atlet esports
10 *Payment gateway* : Sejauh mana keselamatan e-banking anda
11 Pemain esports : jurusan kursus apa yang sesuai dengan saya?
12 Veteran pada usia 26 tahun? Hala tuju seterusnya
13 Atlet esports wanita dianaktirikan?

**Jadual Acara MEC 2018**

| | |
|---|---|
| ***Jumaat 9-11-18*** | Majlis Pembukaan AEMC 2018<br>- Di rasmikan oleh penaung ANSARA Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali<br>- Dihadiri oleh Menteri Belia dan Sukan YB Syed Saddiq Syed Abdul Rahman<br>- Dihadiri oleh perwakilan daripada penaja dan agensi yang terlibat |
| | AEMC Arena of Valor - Akhir |
| | AEMC FIFA Online 3 - Akhir |
| | FEAR DoTA2 Akhir |
| | AEMC CS:GO - Akhir |
| | Pertiwi – DoTA2 |
| ***Sabtu 10-11-18*** | Acara selingan AEMC 2018 |
| | FEAR CSGO Akhir |
| | Malaysia 6 Championship - Rainbow Six Siege |
| | DoTA2 - Akhir |
| | AEMC - Street Fighter 7 |
| | Pertiwi - CSGO |
| | Pertiwi – Mobile Legend |
| ***Ahad 11-11-18*** | AEMC – Tekken 5 |
| | AEMC DoTA2 - Akhir |
| | AEMC CS:GO - Akhir |
| | Pertiwi – FIFA19 |
| | Majlis Penutup AEMC 2018<br>- Pemberian hadiah oleh Menteri Belia dan Sukan YB Syed Saddiq Syed Abdul Rahman<br>- Dihadiri oleh perwakilan daripada penaja dan agensi yang terlibat |





## Pakej Penajaan

| Faedah Penaja | Diamond | Emerald | Gold | Silver | Bronze |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM100,000 | RM50,000 | RM30,000 | RM20,000 | RM10,000 |
| Paparan logo di Backdrop | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Paparan logo di EDM acara SocMed (Instagram, Facebook, Twitter) email dan juga poster | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Paparan logo di website dan portal ANSARA ESPORTS | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Cetakan logo di buku acara | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Paparan logo semasa persembahan montaj | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Cetakan logo di banner, bunting & tshirt | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | |
| Paparan logo semasa gameplay | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | |
| Undangan khas kepada perwakilan untuk ke upacara Pembukaan dan Penutup Grand Final | ✓ | ✓ | ✓ | | |
| Pengumuman khas di kenyataan media | ✓ | ✓ | | | |
| Penempatan khas booth di dewan expo untuk kegunaan sendiri tanpa bayaran tambahan | ✓ | ✓ | | | |
| Penayangan iklan semasa perlawanan langsung | ✓ | | | | |

## 2. ACARA LALU





































AEMC 2018 Penang Qualifier



AEMC 2018 Johor Qualifier



AEMC 2018 Kedah Qualifier




AEMC 2018 Negeri Sembilan Qualifier







AEMC 2018 Perak Qualifier




AEMC 2018 Melaka Qualifier & Game Expo



## 3. LIPUTAN MEDIA




https://www.youtube.com/embed/T-RU-P_atc4




https://moshedgaming.com/tournament-e-sport-khas-untuk-perempuan/






FEAR cabar gadis 'gamer' tunjuk skil, lebih berani

http://www.astroawani.com/berita-sukan/fear-cabar-gadis-gamer-tunjuk-skil-lebih-berani-170320




https://www.mygameon.my/posts/saya-harap-lebih-ramai-wanita-ceburkan-diri-dalam-e-sukan-ramona-azween

ANSARA ESPORTS
www.ansaraesports.com







https://www.facebook.com/7edition/videos/1704732672943296/UzpfSTE1NDE3MTY3ODUzMDMwNjoyMDg4ODEzMTk3MjYwMDg/








https://www.facebook.com/7edition/videos/1758561217560441/UzpfSTE1NDE3MTY3ODUzMDMwNjoyMzI4MTIyNzA2NjYyNDY/


Bernama.com Get It Right

http://www.bernama.com/en/news.php?id=1637826



http://www.jbsn.gov.my/jbs-n9/item/7928-kejohanan-ansara-esports-malaysia-championship-negeri-sembilan-2018.html



http://www.jbsn.gov.my/jbs-kedah/item/7640-ansara-e-sports-malaysia-championship-2018-kedah.html








http://melakakini.my/sukan-aeg-2018-di-mitc/



https://m.facebook.com/story.php?story_fbid=283259082282397&id=1304403533033106




https://www.meta.my/2018/07/ansara-esports-malaysia-championship.html?m=1




https://www.meta.my/2018/06/kelab-e-sukan-ansara-umum-penganjuran.html








http://www.bernama.com/en/news.php?id=1642921




https://www.evensi.com/ae-game-expo-mitc-melaka-wwwansaraesports/267601216



MALACCA, MALAYSIA TO HOLD AN ESPORTS EXPO THIS WEEKEND!

https://sea.ign.com/aeg-expo/141334/news/malacca-malaysia-to-hold-an-esports-expo-this-weekend







MALAYSIA

AKTA PEMBANGUNAN SUKAN

PERATURAN-PERATURAN PEMBANGUNAN SUKAN

(PENDAFTARAN BADAN SUKAN)

PERAKUAN PENDAFTARAN

KELAB SUKAN ELEKTRONIK ANSARA (ANSARA ESPORTS CLUB)

JANUARI